

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL**  
**KAWASAN : LEMBAH PANTAI**  
**TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**YB TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan masalah-masalah yang dihadapi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi serta memudahkan proses pendaftaran bagi menggalakkan lebih banyak syarikat yang berkebolehan untuk mengambil bahagian dalam industri ini.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kewajipan untuk berdaftar sebagai kontraktor yang melaksanakan kerja pembinaan telah dijelaskan di dalam Akta 520 (Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994, Pindaan 2011).

Pelaksanaan urusan pendaftaran kontraktor di CIDB adalah berpandukan kepada Peraturan-Peraturan Pendaftaran Kontraktor 1994 yang digazetkan serta garis panduan yang mengandungi syarat serta kriteria untuk berdaftar. Komponen dalam pendaftaran CIDB terdiri daripada Gred, Kategori dan Pengkhususan. CIDB mendaftarkan kontraktor mengikut keupayaan serta kemampuan kontraktor yang dinilai dari segi kewangan dan personel teknikal dan ianya akan diklasifikasikan kepada 7 gred pendaftaran iaitu gred G1 sehingga G7 serta ditempatkan dalam kategori B (Bangunan), CE (Kejuruteraan Awam), M&E (Mekanikal & Elektrikal) serta FM (Kerja Fasiliti).

Bermula pada tahun 2016, CIDB turut melaksanakan dasar Kerajaan supaya menerapkan konsep 'ease of doing business' dalam urusan pendaftaran kontraktor dengan membuat *process reengineering* ke atas syarat serta prosedur sedia ada di mana 13 syarat pendaftaran sedia ada telah dimudahkan menjadi 8 syarat. Selari dengan konsep tersebut, CIDB juga telah membuat transformasi digital pada tahun 2017 dengan memperkenalkan pendaftaran secara atas talian secara menyeluruh dan aplikasi ini ternyata memberi impak yang besar kepada industri kerana proses pendaftaran sebelum ini yang mengambil masa selama 10 hari bekerja dapat disingkatkan kepada 2 hari bekerja sahaja.

CIDB dari masa ke semasa sentiasa melaksanakan penambahbaikan sebagaimana yang dinyatakan di atas bertujuan untuk membantu serta memudahkan syarikat atau bakal-bakal kontraktor yang berminat serta berkemampuan untuk berkecimpung dalam industri pembinaan negara.

Sekian, terima kasih.